

Jun 2016

Rang Undang-undang "Hudud" YB Hadi Awang

DOKUMEN INI DISEDIAKAN OLEH AHLI PARLIMEN KELANA JAYA



1.0 Pendahuluan

- 1.1 Satu rang undang-undang yang kononnya mengenai hukum Hudud telah dibaca oleh YB Hadi Awang pada hari Khamis 26hb Mei 2016 dan ia merupakan satu cadangan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (“Akta”).
- 1.2 Pada masa kini, Akta ini menetapkan had bagi hukuman kesalahan-kesalahan Syariah, iaitu hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi RM5,000, dan sebatan rotan tidak melebihi enam kali. Had ini dikenali sebagai “formula 3, 5, 6”.
- 1.3 Sekiranya rang undang-undang persendirian YB Hadi ini diluluskan dan menjadi undang-undang, kerajaan-kerajaan negeri akan diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang seakan-akan Hudud dengan melebihi batasan “formula 3, 5, 6.”

2.0 Mengapakah pejabat saya terlibat dalam isu ini?

- 2.1 Saya adalah seorang penganut agama Buddha. Saya dididik untuk saling menghormati agama-agama yang lain. Dalam perihal agama Islam, oleh kerana saya dibesarkan di Kelantan, saya berpeluang memahami komuniti Melayu dengan lebih mendalam.
- 2.2 Pandangan saya dalam kertas ini adalah berdasarkan apa yang telah dijelaskan kepada saya oleh Muslimat-muslimat yang cukup berpengetahuan. Saya bukan seorang pakar, tetapi sudi mempelajari perkara-perkara berkaitan Islam daripada mereka yang lebih arif.
- 2.3 Apabila isu ini pertama kali dibangkitkan pada tahun lalu, seorang penduduk Muslim di Kelana Jaya, telah menasihati saya supaya tidak bercampur tangan dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Nasihat baik dia berdasarkan rang undang-undang ini akan melibatkan komuniti Islam sahaja. Beliau juga risau bahawa penglibatan saya dalam perkara ini adalah berisiko politik dan sekiranya salah cakap, bakal memperasingkan sokongan kaum Melayu saya di Kelana Jaya.

- 2.4 Saya berterima kasih atas keprihatinan beliau tetapi hal ini melibatkan isu negara yang amat penting. Justeru, mustahak saya berikan perhatian saya yang sewajarnya sebagai seorang Ahli Parlimen. Pendirian bahawa rang undang-undang ini hanya melibatkan golongan Islam juga adalah tidak tepat selagi isu penukaran agama unilateral belum diselesaikan.
- 2.5 Tambahan lagi, rang undang-undang ini melibatkan proses penggubalan undang-undang di Parlimen. Oleh itu, saya sebagai seorang Ahli Parlimen, mesti menjalankan tanggungjawab saya dan meneliti dan mengundi dalam hal ini.

3.0 Pendekatan pejabat saya

- 3.1 Sebaik sahaja rang undang-undang ini dibaca di Parlimen, saya sempat berunding dengan beberapa orang Ahli Parlimen dari Parti Keadilan Rakyat dan Parti Amanah Rakyat. Dalam perbincangan tersebut, saya telah menerima pandangan-pandangan dari Ahli – ahli Parlimen, termasuk YB Dato Dr. Mujahid Rawa, YB Khalid Samad dan YB Dr. Ramli Hatta. Saya telah mencatatkan banyak maklumat yang relevan, termasuk isu-isu politik, teologi, dan sosial.
- 3.2 Saya juga telah mengarahkan pegawai penyelidik Muslim saya untuk mengkaji selidik unsur-unsur teologi Hudud serta pendapat-pendapat para ilmuwan dan pemikiran Islam. Beliau juga telah meneliti enakmen-enakmen Hudud Kelantan dan Terengganu yang sedia ada tetapi belum diimplementasikan.

- 3.3 Saya telah membaca sedikit sebanyak mengenai sejarah Islam di Malaysia dan juga telah mempertimbangkan dasar sosio-ekonomi dan impaknya terhadap masyarakat.
- 3.4 Akhirnya, kami juga telah melaksanakan satu sesi perbincangan dengan ketua-ketua komuniti agama kawasan Kelana Jaya pada 30hb Mei 2016 dan telah berjaya memperoleh maklumbalas secara langsung daripada mereka.
- 3.5 Oleh itu, kertas berkaitan rang undang-undang ini adalah hasil penyelidikan, perbincangan, dan maklumbalas komuniti yang agak menyeluruh. Kertas ini juga adalah berdasarkan pandangan peribadi saya mengenai kepentingan terbaik untuk para penduduk Parlimen Kelana Jaya.

4.0 Adakah rang undang-undang YB Hadi Awang benar-benar hukum Hudud?

- 4.1 Jawapan ringkasnya adalah tidak. Pada realitinya, cadangan YB Hadi cuma merangkumi sebahagian daripada Hudud sahaja, dan oleh itu, tidak boleh dianggap sebagai hukum Hudud yang sempurna. Seorang ilmuwan Islam telah menerangkan kepada saya bahawa ajaran Islam tidak berkenan pengikutnya melaksanakan sesuatu hukum secara separuh hati.
- 4.2 Jika diteliti dengan rapi, rang undang-undang ini hanya membenarkan pelaksanaan 4 daripada 6 atau 7 hukuman Hudud (sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk butiran selanjutnya).
- 4.3 Oleh itu, rang undang-undang ini hanyalah satu kompromi dari segi teologi. Ternyata YB Hadi Awang tidak boleh mendakwa bahawa beliau sedang merealisasikan hukum Hudud sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Quran.

- 4.4 Ramai dalam kalangan ilmuwan Islam turut berpendapat bahawa akar umbi Islam adalah berdasarkan keamanan dan kesaksamaan menurut falsafah Maqasid Syariah.
- 4.5 Sehubungan itu, mengikut pendekatan agama Islam, faktor kesaksamaan dan keadilan sosial perlu mendahului pelaksanaan hukuman Hudud. Hukuman-hukuman Hudud ini perlu difahami dalam konteks bertujuan untuk membendung jenayah, dan bukan sebagai asas menjalinkan pentadbiran keadilan.
- 4.6 Para ilmuwan Islam turut menjelaskan bahawa pelaksanaan Hudud tanpa mengatasi masalah ketidaksamaan sosial adalah suatu amalan teologi yang tidak kukuh dan hanya mementingkan syakal berbanding jauhah.
- 4.7 Kita semua bersetuju bahawa kebanyakan kes jenayah melibatkan individu-individu yang terdesak. Hubung kait antara ketidaksamaan ekonomi (yang menyebabkan kemiskinan) dan kadar jenayah sudah lama terbukti.
- 4.8 Sehubungan itu, segolongan ilmuwan Islam telah menceritakan bahawa semasa pentadbiran Saidina Omar al Khattab, hukuman Hudud memotong tangan seorang pencuri adalah salah jika si pencuri telah mencuri kerana terdesak mencari rezeki bagi keluarganya yang kebuluran.
- 4.9 Memandangkan rang undang-undang ini bukan hukum Hudud sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan terdapat banyak pandangan berlainan oleh ilmuwan Islam, khususnya mengenai isu prioriti kepada keadilan sosial sebelum pelaksanaan hukum Hudud, maka kita mesti berwaspada supaya rang undang-undang ini tidak disalah faham sebagai satu pertengkaran teologi mengenai agama Islam.

- 4.10 Secara ringkas, kertas ini bukan bertujuan untuk mempersoalkan kesahihan agama Islam. Matlamatnya adalah untuk mendedahkan hakikat bahawa rang undang-undang ini bukan berdasarkan Al-Quran tetapi berunsur politik.
- 4.11 Hukum Hudud adalah satu perintah Allah, dan oleh itu, ahli-ahli politik tidak sepatutnya memeralatkan perkara ini untuk memperkukuh kedudukan politik mereka, lebih-lebih lagi untuk menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam dan juga bukan Islam.
- 4.12 Pada masa kini, di mana Malaysia lazim dilanda isu-isu sentimen perkauman dan keagamaan, saya sangat kecewa atas tindakan mereka yang mempergunakan agama demi kepentingan politik mereka.

5.0 Proses Pembacaan Rang Undang-undang Ini di Parlimen

- 5.1 Lebih kurang pukul 3.00 petang pada hari Khamis 26hb Mei 2016, Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Azalina Othman telah mengusulkan rang undang-undang Hudud ini dipercepatkan. Rang undang-undang kerajaan yang lain ditangguh perbahasannya untuk membenarkan YB Hadi Awang membaca usulnya.
- 5.2 Pada masa itu, masih terdapat tiga rang undang-undang dan 14 usul yang perlu dibahaskan sebelum usul ini. Tanpa sokongan penuh Barisan Nasional, mustahil rang undang-undang YB Hadi Awang boleh melompat mendahului 17 perkara yang lain ini.
- 5.3 Perkara ini berlaku pada masa dua jam sebelum tamat hari terakhir persidangan Parlimen. Faktor ini penting kerana ia bermaksud kebanyakan Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak (ramai dalam kalangan mereka bukan beragama Islam) telah

meninggalkan Dewan dan sudah dalam perjalanan ke lapangan terbang untuk pulang ke kawasan masing-masing.

- 5.4 Keesokan harinya, kita dihibur dengan telatah menteri-menteri MCA dan MIC yang kononnya beria-ia ingin meletakkan jawatan atas isu ini.
- 5.5 Walau bagaimanapun, Menteri MCA Ong Ka Chuan telah mendedahkan bahawa rang undang-undang YB Hadi Awang ini telah dibincangkan dalam mesyuarat kabinet sebelum pembacaan di Parlimen. Ini bermaksud parti-parti komponen BN sudah pun menjangka situasi ini dan oleh demikian, jelas terlibat dalam rancangan perkara ini.

6.0 Agenda politik

- 6.1 Sejak pemergian Tok Guru Nik Aziz ke Rahmatullah, PAS bawah pimpinan YB Hadi Awang telah mula mengambil langkah bekerjasama dengan UMNO secara terang-terangan.
- 6.2 Hubungan antara PAS dan UMNO menjadi semakin rapat sejak ahli-ahli Parti Amanah Negara berpisah daripada PAS.
- 6.3 Ahli-ahli PAS bawah pimpinan Hadi Awang secara rasmi menjadi penasihat kepada Perdana Menteri Najib Razak dalam hal ehwal agama Islam sejak bulan Disember 2015.
- 6.4 Pembacaan rang undang-undang pada 26hb Mei 2016 ini, merupakan satu langkah untuk menonjolkan pengeratan kerjasama antara PAS dan UMNO.
- 6.5 Motivasi di sebalik pembacaan rang undang-undang ini mungkin berkaitan dengan pilihan raya kecil Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

- 6.6 Kedua-dua pilihan raya ini amat penting kerana (a) kawasan-kawasan ini mempunyai kesan besar terhadap proses persempadanan semula kawasan Parlimen yang memerlukan majoriti dua pertiga di Parlimen dan; (b) keputusan pilihan raya ini akan menunjukkan tahap sokongan akar umbi kaum Melayu bagi UMNO, PAS, dan Pakatan Harapan.
- 6.7 PAS dan UMNO mengambil peluang ini untuk cuba mempengaruhi sentimen orang Melayu bagi pilihan-pilihan raya tersebut.

7.0 Perspektif Menyeluruh

- 7.1 Menurut sejarah dan tradisi, Malaysia lebih cenderung kepada ajaran agama Islam yang mengamalkan pendekatan majmuk dan nilai kesederhanaan. Tafsiran agama Islam di Malaysia terbahagi kepada dua fahaman utama, iaitu “sekolah pondok” dan kaum “orang muda”.
- 7.2 Sejak kebelakangan ini, sekolah-sekolah pondok, yang mengamalkan fahaman Islam yang lebih radikal, sekarang berkuasa penuh dalam PAS. Secara keseluruhannya, Malaysia kini semakin terpengaruh dengan tafsiran radikal. Arah aliran ini juga disokong oleh institusi-institusi yang diwujudkan oleh kerajaan UMNO BN.
- 7.3 Pakar-pakar bidang politik Islam telah menjelaskan bahawa mereka yang menyokong pelaksanaan Hudud tertarik dengan idea pembentukan satu negara Islam yang lengkap di mana agama dan pentadbiran kerajaan digabungkan, bukannya satu sistem yang mengasingkan hal ehwal agama daripada urusan tadbir negara.
- 7.4 Oleh kerana Malaysia kini mengalami satu sistem demokrasi yang rosak terhakis, maka kegagalan sistem ini telah menimbulkan keinginan segolongan rakyat untuk menimbulkan kerajaan Islam.

- 7.5 Kegagalan sistem kehakiman dan tadbir urus dalam mencegah rasuah dan memastikan kesaksamaan sosio-ekonomi, juga mendorong fahaman radikal.
- 7.6 Demi mengembalikan kepercayaan masyarakat kepada sistem sekular, kita mestilah membanteras rasuah, membasmi kemiskinan, dan menaiktaraf sistem tadbir urus negara dengan segera.
- 7.7 Kita juga perlu merangka dan membangkitkan semula ajaran Islam yang lebih inklusif dan menyeluruh. Perbincangan teologi perlu dilakukan bukan secara sempit tetapi terbuka dengan prinsip saling hormat menghormati. Selagi kita tidak berbuat demikian, perkara seperti rang undang-undang berpolitik YB Hadi Awang ini akan kerap timbul dari masa ke semasa.



8.0 Pendirian Parlimen Kelana Jaya



- 8.1 Saya bukannya seorang pakar agama Islam, tetapi saya bersedia memahami dan berempati dengan para penduduk Muslim kawasan saya.
- 8.2 Saya telah dinasihati bahawa rang undang-undang ini bukan hukum Hudud. Ini bermakna rang undang-undang ini adalah satu alat beragenda politik.
- 8.3 Justeru, pendirian saya adalah untuk menolak rang undang-undang ini dan sekiranya saya dikehendaki mengundi dalam hal ini, saya akan mengundi menentang rang undang-undang tersebut.
- 8.4 Saya khuatir jika rang undang-undang ini diluluskan oleh PAS dengan sokongan UMNO BN, pengaruh radikal akan merebak luas di Malaysia.


- 8.5 Arah aliran radikal ini akan mendatangkan impak negatif yang sangat ketara atas hak asasi golongan wanita dan juga ekonomi negara.
- 8.6 Oleh itu, saya memohon kerjasama komuniti Islam untuk mempertahankan sejarah, tradisi dan nilai kesederhanaan Melayu yang mengamalkan tafsiran dan fahaman Islam yang lebih progresif dan menyeluruh.
- 8.7 Saya berakhir dengan meminta maaf sekiranya terdapat apa-apa kesalahan dan kesilapan di dalam kertas ini.

Kelantan dan Terengganu

Note: Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 (Kelantan) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002

Kesalahan	Al-Quran/As-Sunnah	Kelantan	Terengganu	RUU Hudud
1. Sariqah (Mencuri)	Pemotongan tangan dan kaki	<p>Seksyen 7</p> <p>Hukuman:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesalahan pertama: Pemotogan tangan kanan ii. Kesalahan kedua: Pemotongan kaki kiri iii. Hukuman ketiga dan seterusnya: Penjara tidak lebih daripada 15 tahun atas budi bicara mahkamah <p>Nota: Pengecualian bawah seksyen 8</p>	<p>Seksyen 20</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesalahan pertama: Pemotogan tangan kanan ii. Kesalahan kedua: Pemotongan sebahagian kaki kiri iii. Hukuman ketiga dan seterusnya: Penjara tidak lebih atas budi bicara mahkamah <p>Nota: Pengecualian bawah seksyen 21</p>	
2. Irtidad (Murtad)	Hukum mati dengan memancung	<p>Seksyen 23(1)</p> <p>Definisi:</p> <p>“Sesiapa secara sukarela tanpa paksaan, dengan sengaja dan disedarinya melakukan apa-apa perbuatan atau mengungkapkan apa-apa perkataan yang menjejaskan atau berlawanan dengan aqidah Islam... tanpa apa-apa paksaan oleh mana-mana orang atau oleh keadaan.”</p> <p>Seksyen 23(3) and (4)</p> <p>Hukuman:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penjara sehingga dia bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan. ii. Jika “tidak ada lagi harapan berbuat demikian,” hukuman mati dan hartanya dirampas untuk dipegang oleh Baitulmal, kecuali jika dia bertaubat sebelum hukuman mati dilaksanakan. 	<p>Seksyen 25</p> <p>Definisi:</p> <p>“Seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut Hukum Syarak adalah merosakkan atau berlawanan dengan aqidah agama Islam... dilakukan atau... disebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.”</p> <p>Seksyen 26</p> <p>Hukuman:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bertaubat dalam tempoh tiga hari setelah didapati bersalah ii. Sekiranya dia enggan bertaubat/masih lagi berterusan dengan pendiriannya, hukuman mati dan harta sama ada diperolehi sebelum 	

			atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas dan dipegang oleh Baitulmal. iii. Jika dia bertaubat sebelum hukuman mati dilaksanakan, penjara tidak melebihi 5 tahun.	
3. Zina	<i>Mohsan</i> : Rejam sehingga mati <i>Ghairu monsan</i> : 100 sebatan	Seksyen 13 Hukuman: <i>Mohsan</i> : Hukuman rejam, iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besar sehingga mati <i>Ghairu monsan</i> : 100 sebatan dan penjara selama satu tahun	Seksyen 13 Hukuman: <i>Mohsan</i> : Hukuman rejam, iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besar sehingga mati <i>Ghairu monsan</i> : 100 sebatan dan penjara selama satu tahun Nota: Pengecualian bawah seksyen 17	
4. Qazaf	80 sebatan	Seksyen 17 Definisi: Sama dengan Terengganu, + jika penuduh dan saksi-saksi telah memberi kenyataan dengan niat baik tetapi kenyataan mereka tidak dapat dibukti, mereka tidak dianggap melakukan <i>qazaf</i> . Seksyen 18 Hukuman: 80 sebatan Nota: Pengecualian seksyen 18(2)	Seksyen 7 Definisi: i. Tuduhan zina yang tidak dibuktikan oleh 4 orang saksi lelaki ii. Tuduhan seseorang itu bukannya bapa ataupun bukannya anak kepada seseorang yang tertentu - Termasuk jika seorang/ beberapa orang saksi enggan memberi keterangan itu atau jika keterangan itu diberi tetapi bercanggah dengan pernyataan itu (maka setiap saksi yang memberi keterangan yang menyokong melakukan qazaf) iii. Enggan melakukan al-li'an iv. Tuduhan zina tanpa qarinah atau bukti mengikut hukum syarak. Seksyen 8 Hukuman: 80 sebatan	

<p>5. Syurb</p>	<p>40 – 80 sebatan</p> <p>Terdapat pendapat yang <i>syurb</i> seharusnya dianggap sebagai <i>ta'zir</i>, bukannya hudud.</p>	<p>Seksyen 22 Hukuman: $40 \leq x \leq 80$ sebatan</p>	<p>Seksyen 6 Syarat-syarat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mukallaf ii. Tidak dipaksa, tidak uzur syarie atau tidak terdesak; iii. Mempunyai dua orang saksi atau seorang saksi dan qarinah; dan iv. Berupaya mengetahui jenis kesalahan itu. <p>Seksyen 5 Hukuman:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kesalahan pertama/kedua: ≤ 40 sebatan ii. Kesalahan ketiga/keempat: $40 < x \leq 80$ sebatan iii. Kesalahan kelima dan seterusnya: $40 < x \leq 80$ sebatan + penjara atas budi bicara mahkamah 	
<p>6. Hirabah</p>	<p>Tidak tetap</p>	<p>Seksyen 10 Hukuman:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Jika mangsa dibunuh dan hartanya dicuri: hukum mati dan disalib ii. Jika mangsa dibunuh tetapi tiada harta dicuri: hukum mati sahaja iii. Jika harta dicuri tetapi mangsa tidak terbunuh/tercedera: Potongan tangan kanan dan kaki kiri iv. Mangsa tercedera tetapi tiada harta dicuri: diyat dan potongan tangan kanan dan kaki kiri v. Hanya diugut, tiada kecederaan/bunuh: Penjara tidak melebihi 5 tahun. <p>Nota: Pengecualian seksyen 11 + seksyen 8.</p>	<p>Seksyen 24 Syarat-syarat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mukallaf; dan ii. Dilakukan dengan niat, tiada paksaan, tidak terdesak dan tidak berhajat; dan iii. Apabila berlaku di luar kawasan kediaman mangsa jenayah; dan iv. Apabila ia berlaku di dalam kawasan kediaman mangsa; atau v. Jika di kawasan kediaman mangsa, mangsa sukar mendapat bantuan pertolongan. <p>Seksyen 23 Hukuman: Sama denga Kelantan</p> <p>Nota: Pengecualian seksyen 24</p>	